

PAS mahu nama Malaysia dibersihkan ekoran dakwaan MP Indonesia
The Malaysian Insider
13 Oktober , 2011
Oleh G Manimaran

KUALA LUMPUR, 13 Okt — Pemuda PAS mahu kerajaan mengeluarkan kenyataan rasmi bagi membersihkan nama negara ekoran dakwaan beberapa ahli Parlimen republik itu bahawa Malaysia telah merampas lebih 1,400 hektar tanah di sempadan Kalimantan Barat.

Kelmarin kedua-dua kerajaan telah menafikan dakwaan dibuat oleh beberapa wakil rakyat Indonesia awal minggu ini.

Parlimen Indonesia pula mahu membentuk sebuah pasukan khas siasatan walaupun Jakarta dan Putrajaya telah mengetepikan dakwaan sedemikian.

Isu itu terus berkembang menjadi kontroversi dengan tindakan pihak tidak bertanggungjawab mengadakan demonstrasi sehingga menyebabkan kerosakan terhadap harta Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta semalam.

Duta Besar Malaysia ke Indonesia Datuk Syed Munshe Afdzaruddin Syed Hassan berkata pihaknya akan meminta penjelasan bagaimana kekacauan itu boleh tercetus sehingga keadaan menjadi tidak terkawal.

Dianggarkan 650 anggota Forum Betawi Rempug (FBR) terlibat dalam demonstrasi yang bertukar menjadi liar sehingga beberapa harta Kedutaan Besar Malaysia rosak akibat dilempar dengan kayu dan buluh serta telur ke dalam kawasan kedutaan.

Ketua Penerangan Pemuda PAS Riduan Mohd Noor berkata, dakwaan dibuat beberapa wakil rakyat negara jiran amat serius dan ia berkaitan dengan kedaulatan Malaysia dan Indonesia walaupun ia tidak berasas.

"Pemuda PAS tidak mahu negara Malaysia dikaitkan dengan skandal di peringkat antarabangsa," kata beliau.

Dalam hal ini, tegas beliau, kerajaan perlu menjelaskan keadaan sebenar kepada kerajaan Indonesia agar jangan disalah tafsir atau menimbulkan persepsi buruk terhadap negara jiran," kata beliau dalam satu kenyataan dikeluarkan hari ini.

Kata Riduan, pihaknya juga mahu pihak tempatan yang menyebarkan dakwah tersebut bertanggungjawab terhadap isu tersebut.

"Umum mengetahui hubungan baik yang terjalin antara Malaysia dan Indonesia sejak sekian lama. Kedua-dua negara ibarat saudara yang berasal dari suatu rumpun Melayu di nusantara ini.

"Ramai warga Indonesia menetap dan bekerja di negara ini, malah ramai yang telah mendapat status warganegara Malaysia," kata beliau sambil menambah, "kita berkongsi sempadan perairan dengan negara jiran."

"Permusuhan atas dasar apa sekalipun perlu dielakkan bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diinginkan," katanya.

Oleh yang demikian, kata beliau, Pemuda PAS mengharapkan isu itu mampu diselesaikan dengan baik di meja rundingan.

“Pemuda PAS bersetuju kerajaan menghantar nota diplomatik meminta penjelasan kepada kerajaan Indonesia terhadap insiden ini. Kerajaan Indonesia pula perlu memberi jaminan bahawa insiden ini tidak akan berlaku dan mengawal para demonstran agar tidak merosakkan peralatan serta kawasan kedutaan,” katanya.

Selain itu kata beliau, Pemuda PAS meminta kerajaan melindungi para diplomat serta rakyat Malaysia di Indonesia.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-mahu-nama-malaysia-dibe-rsih-ekoran-dakwaan-mp-indonesia/>